

10/10/2001

Kerajaan pantau penggunaan ruang udara

KERAJAAN memberi jaminan penggunaan ruang udara bagi latihan Tentera Udara Singapura tidak akan menjejaskan keselamatan negara, kata Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Beliau berkata, isu pengintipan oleh tentera republik itu tidak timbul kerana langkah pertahanan dan keselamatan sentiasa diambil.

"Soal pengintipan ini tidak payah di ruang udara. Jika kita tidak buka tingkap dan pintu sekalipun, kita dapati pengintipan masih boleh dibuat dengan penggunaan teknologi canggih.

"Jadi, soal ini tidak timbul. Bagaimanapun, kerajaan sedar mengenai kemungkinan perkara ini dan kita sentiasa menjaga kepentingan keselamatan negara," katanya ketika menjawab soalan tambahan Mahfuz Omar (Pas-Pokok Sena) di Dewan Rakyat, semalam.

Dr Leo berkata, persetujuan untuk membenarkan Singapura menggunakan ruang udara untuk latihan bagi pesawatnya telah membabitkan pelbagai perbincangan dan ketetapan tertentu.

Menjawab soalan tambahan Jimmy Donald (BN-Sri Aman), beliau berkata pertemuan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew bulan lalu berhasil mendekatkan jurang pendirian kedua-dua negara mengenai isu berbangkit.

Beliau berkata, pada pertemuan itu kedua-dua pihak hanya menyentuh isu yang berbangkit secara prinsip dan bersetuju supaya ia diperhalusi pegawai kedua-dua negara.

"Malaysia dan Singapura sedang berusaha menyelesaikan masalah bersama secara adil dan saksama menerusi kaedah memuaskan hati kedua-dua negara.

"Bagaimanapun, masih terlalu awal bagi kedua-dua negara menandatangani sebarang perjanjian kerana mesyuarat peringkat pegawai akan hanya diadakan dalam waktu terdekat ini," katanya.

(END)